

4 Pemuda MIC letak jawatan

Pemimpin kanan, penyokong gesa Samy Vellu berundur selepas kalah

BH 28/6/08 M/S 6



BERI PENJELASAN: Dari kanan, Nantha Kumar, Ganesan dan Somasunther mengumumkan peletakan jawatan mereka dari kepimpinan Pemuda MIC Kedah sambil mendesak Samy Vellu meletakkan jawatan sebagai Presiden MIC pada sidang media di Kulim, semalam.

KULIM: Ketua Pemuda MIC Kedah R Nantha Kumar dan tiga lagi pemimpin kanannya di negeri itu meletak jawatan semalam kerana membantah tindakan parti mengarahkan Ketua Pemuda MIC, S A Vigneswaran supaya berundur. Setiausaha Pemuda MIC Kedah, T M Ganesan; Bendahari, M Selvan dan Ketua Penerangan, S Somasunther turut mengumumkan keputusan untuk meletak jawatan kerana tidak berpuas hati Vigneswaran diarah berundur kerana faktor usianya yang sudah menjangkau 41 tahun walaupun tempoh perkhidmatannya hanya berakhir pada 2009.

Bercakap pada sidang media di sini, semalam, Nantha Kumar, 39, juga meminta Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu meletak jawatan kerana kekalannya di kawasan Parlimen Sungai Siput dalam pilihan raya umum Mac lalu ada petunjuk sudah sampai masanya beliau berundur.

“Jika sebelum ini Presiden MIC marah kerana pembangkang saja yang meminta beliau mengundurkan diri tetapi kini, saya dan rakan-rakan mewakili Pemuda MIC Kedah menyeru Datuk Seri Samy Vellu supaya meletak jawatan dengan segera,” katanya.

Nantha Kumar berkata, beliau sedia menghadapi risiko dikenakan tindakan kelak.

Katanya, langkah kepimpinan MIC meminta Vigneswaran meletak jawatan adalah satu penghinaan kepada perwakilan yang memberi mandat kepada Ketua Pemuda MIC itu memimpin mereka dari 2006 hingga 2009.

“Lebih memalukan lagi adalah kerana pengumuman kemenangan Vigneswaran ketika itu dilakukan Samy Vellu sendiri selaku Presiden MIC pada persidangan kebangsaan MIC 2006,” katanya.

Nantha Kumar berkata, beliau menjangkakan pemimpin muda pada peringkat bahagian MIC akan turut mengambil tindakan meletak jawatan.

Beliau juga melahirkan rasa kecewa terhadap badan perhubungan MIC Kedah kerana memberi laporan tidak tepat kepada Presiden MIC bahawa sebilangan besar Bahagian Pemuda MIC Kedah menyokong penuh Samy Vellu.

Pada 19 Jun lalu, Setiausaha Agung MIC, Datuk S Subramaniam dilaporkan berkata Vigneswaran dan beberapa pemimpin Pemuda perlu meletak jawatan kerana umur masing-masing lebih 40 tahun. - Bernama